

Tiada wakil FAM sertai bengkel

Kosmo 2/8/06 (MS 63)

Oleh RADIAH SAORI
radiah@kosmo.com.my

ENTAH mana silapnya apabila Bengkel Perbincangan Program Pembangunan Bola Sepak Belia Kebangsaan MSN/JPJS/FAM selama dua hari yang berakhir semalam langsung tidak menampakkan wakil daripada Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) sendiri.

Ia bagaikan satu kemusykilan kerana sebagai badan induk bola sepak di Malaysia, FAM seharusnya sama-sama hadir untuk membincangkan permasalahan dan hala tuju sukan yang paling ramai pengikutnya di Malaysia itu.

Begitupun, pengerusi bengkel yang juga merupakan Pengarah Unit Pembangunan MSN, Saadon Shukor menjelaskan pihaknya tidak mengetahui punca ketiadaan wakil dari FAM walaupun telah diundang.

"Kami telah menghantar undangan kepada mereka (FAM) tetapi saya tidak tahu mengapa tiada wakil yang hadir untuk sama-sama membincangkan hal ini," kata Saadon semalam.

"Begitupun, bengkel ini tetap dijalankan kerana kami (MSN) juga adalah sebahagian daripada FAM dan program yang mereka jalankan juga merupakan program kami."

Menurut Saadon bengkel dua hari



SAADON (kanan) turut keliru dengan ketidakhadiran wakil dari FAM.

yang berakhir semalam itu diadakan setelah diminta sendiri oleh Jawatankuasa Pembangunan Bola Sepak Belia FAM yang dipengerusikan oleh Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah.

"Tengku Abdullah meminta kami

mengkaji permasalahan yang timbul dalam program pembangunan bola sepak di negara ini.

"Disebabkan itulah, dalam bengkel ini, kami memang membincangkan hala tuju pembangunan bola sepak belia negara di peringkat akar

umbi serta mengkaji permasalahan-permasalahan yang timbul sehingga gagal untuk melahirkan pemain handalan bertaraf dunia.

"Kita harus ada matlamat untuk melahirkan pemain belia bertaraf dunia terlebih dahulu sebelum kita

boleh berbincang tentang Piala Dunia," jelasnya.

Namun begitu, menurut Saadon, mereka tidak boleh mendedahkan hasil terperinci perbincangan tersebut kepada umum sebelum diperbincangkan oleh jawatankuasa Unit Sukan Teras terlebih dahulu.

"Hasil perbincangan ini akan diserahkan untuk dikaji oleh Unit Sukan Teras yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah MSN, Datuk Zolkeples Embong.

"Namun, apa yang dapat saya rumuskan ialah terdapat beberapa kekuatan dan kelemahan dalam sistem pembangunan bola sepak yang sedia ada pada ketika ini dan tugas kami ialah untuk mencari jalan untuk memaksimumkan keberkesanan sistem yang sedia ada.

"Kami memang tidak bercadang untuk melakukan rombakan secara besar-besaran."

Seramai lebih kurang 20 wakil daripada pelbagai pihak berkaitan turut hadir untuk membincangkan isu tersebut termasuklah ahli akademik daripada wakil Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Jabatan Pendidikan, panel jurulatih Tunas Cemerlang, Majlis Sukan Negeri dan Khaidir Buyong yang juga merupakan bekas pemain dan jurulatih berpengalaman.